

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019**

**SOALAN : 76**

**DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan fizikal dan bukan fizikal untuk semua masjid dan rumah-rumah ibadah lain.

**JAWAPAN:** **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan khusus bagi projek fizikal dan program disediakan untuk masjid dan rumah ibadat lain. Pembinaan dan pengurusan masjid dan surau adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, walau bagaimanapun Kerajaan Pusat masih mempertimbangkan permohonan bina baharu, baik pulih menyenggara dan naik taraf masjid/surau berdasarkan keperluan dan keutamaan dengan mengambil kira kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terma kasih.